

# **PROSIDING SEMINAR KEBANGSAAN SAINS, TEKNOLOGI & SAINS SOSIAL**

**27 ~ 28 MEI 2002**

**HOTEL VISTANA, KUANTAN, PAHANG**

**Anjuran :**



**Universiti Teknologi MARA  
Cawangan Pahang**

**Dengan Kerjasama**



**Kerajaan  
Negeri Pahang Darul Makmur**

**JILID 1**



**PENGURUSAN DAKWAH KEPADA ORANG ASLI (SUKU TEMIAR):  
PENGALAMAN DI KG. PASID, GUA MUSANG KELANTAN**

AHMAD REDZUWAN MOHD YUNUS & ANUAR PUTEH

Jab. Pengajian Dakwah & Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600  
BANGI, Selangor.

**ABSTRAK**

*Penulisan ini bertujuan membincangkan pengurusan dakwah yang bersistematis kepada masyarakat orang Asli khususnya suku Temiar di sebuah perkampungan mereka iaitu di Kg. Pasid, Gua Musang, Kelantan. Bagi mencapai tujuan di atas, metodologi kajian lapangan diberi tumpuan agak meluas oleh penulis kerana pengalaman penulis berada di perkampungan suku tersebut selama seminggu. Metodologi lapangan yang digunakan oleh penulis terdiri daripada temu bual dan borang pemantauan kepada Islam. Hasil kajian mendapatkan pengurusan yang bersistematis kepada golongan tersebut telah berjaya mengislamkan mereka walaupun ramai antara mereka yang antikan Islam melalui beberapa pendekatan dakwah melalui program keluarga angkat. Antara pendekatan yang diambil adalah seperti makan bersama, sukaneka, majlis dialog, program ziarah, persembahan kesenian Islam dan sebagainya. Semua ini memerlukan perancangan yang rapi bertitik tolak daripada komitmen para pendakwah.*

**LATAR BELAKANG KG. PASID**

Kampung Pasid merupakan sebuah perkampungan Orang Asli yang terletak hampir 50 km dari Gua Musang. Perjalanan dari Gua Musang ke Pos Pasik mengambil masa kira-kira tiga jam melalui jalan tar (berakhir di Sg. Terah), jalan batu (berakhir di Kuala Wok) dan trek balak sejauh 13 km dengan merentasi beberapa buah kampung seperti Sungai Terah, Kuala Lah, Meranto dan Kuala Wok. Asal usul nama kampung Pasid ini adalah bersempena nama seorang Tok Batin yang telah mengasaskan perkampungan ini. Walaubagaimapaun ada juga yang menyatakan ianya berasal dari nama sebatang sungai yang mengalir menyusuri perkampungan tersebut.

Dari aspek sosio-ekonomi, kebanyakkan penduduk kampung menjadi petani dan peramu hutan sepenuh masa. Antara bidang pertanian utama yang diusahakan adalah seperti padi bukit, getah, ubi kayu, sayur-sayuran dan sedikit tembakau. Manakala peramu hasil hutan adalah terfokus kepada petai, jering, salak, kelubi, buah-buahan, rotan dan kayu gaharu di samping akar-akar kayu (tongkat Ali, kacip Fatimah, ubi jaga dan sebagainya). Sebahagian besar dari hasil-hasil ini adalah untuk kegunaan sendiri dan hanya dalam jumlah yang kecil sahaja hasil tersebut dijualkan bagi memperolehi wang untuk belanja harian. Tidak ada hasil mereka sama ada pertanian mahupun peramu hasil hutan yang dikomersialkan secara menyeluru, ini dapat dinilai melalui pendapatan kasar mereka yang berjumlah RM 30-RM 50 sahaja seminggu. Bidang penternakan sama sekali tidak menarik minat mereka untuk diceburi, yang ada hanyalah pemeliharan ayam dalam jumlah yang terlalu sedikit (beberapa keluarga sahaja) dan tidak menyeluruh ke serata kampung. Terdapat juga beberapa orang penduduknya yang merupakan bekas tentera. Sehingga kini masih terdapat beberapa orang penduduknya yang berkhidmat dalam angkatan tentera Malaysia sebagai penyambung tradisi ketenteraan yang diwarisi dari generasi terdahulu yang telah tamat tempoh perkhidmatannya (Rosli b. Chenpalan 2001).

Dari sudut pendidikan pula, generasi baru kampung ini telah terdedah kepada sistem pendidikan formal. Ini adalah hasil dari penubuhan sebuah sekolah rendah di kampung tersebut yang diberi nama Sekolah Rendah Kebangsaan Sri Permai sejak 7-8 tahun dahulu. Ini berbeza dengan generasi terdahulu yang agak ketinggalan dalam bidang pendidikan. Sungguhpun demikian pendidikan mereka ini terbatas dan majoritinya terhenti setakat sekolah rendah sahaja (darjah 6). Kemasukan ke sekolah pula tidak terlalu terikat kepada faktor umur seperti mana prosedur biasa yang dipakai oleh masyarakat luar. Umur minimum bagi darjah satu bagi penduduk kampung ini majoritinya berumur dalam lingkungan 10-15 tahun berbanding 7 tahun bagi masyarakat luar. Pendidikan rendah ini akan bersambung ke pendidikan menengah khususnya di Gua Musang. Segala perbelanjaan dan pembiayaan pembelajaran dari aspek makan, minum, pakaian, buku, alat tulis dan segala yang berkaitan ditanggung sepenuhnya oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) sama ada di peringkat rendah mahupun menengah (Ibid).

Penduduk kampung ini adalah pecahan Orang Asli Melayu Proto dari suku Temiar yang mendiami lembah bukit banjaran Titiwangsa. Majoritinya merupakan penduduk asal kampung ini dan hanya beberapa orang/keluarga sahaja merupakan pendatang yang berhijrah dari kampung bersebelahan seperti dari kampung Bayoo dan kampung-kampung dari sempadan negeri Perak. Jumlah penduduknya melebihi 250 orang dengan kira-kira 90 buah keluarga, dengan golongan majorinya adalah golongan perempuan. Fizikalnya berkulit gelap, bermuka lebar dan lonjong, berhidung besar, berambut kerinting dan bertubuh agak kecil serta rendah. Golongan lelakinya agak mahir berbahasa Melayu berbanding golongan wanita lantaran pendedahan kepada masyarakat luar. (Chimbong b. Sugi 2001).

Secara keseluruhannya, Orang Asli suku Temiar di Kampung Pasid ini tidaklah begitu ketinggalan dari aspek ekonomi, sosial dan politik. Sungguhpun penempatan mereka agak terpencil di pedalaman mereka masih dapat menyerap perubahan dan pengaruh luar khususnya dalam aspek hiburan dan pakaian yang diadaptasikan ke dalam kehidupan mereka. Mereka mampu serta mempunyai peluang untuk meningkatkan tahap kehidupan mereka ke peringkat yang lebih baik. Sungguhpun demikian, lantaran semangat serta pegangan kepada adat dan budaya mereka yang diwarisi sekian lama, menyebabkan mereka lebih suka untuk mengekalkan cara hidup sedemikian.

## BUDAYA SUKU TEMIAR KG. PASID

### a. Kelahiran

Menurut En. Jefri Berkut (2001), sebelum kelahiran atau semasa mengandung mereka tidak mengamalkan sebarang pantang larang secara serius. Tetapi, pantang larang secara serius bermula setelah kelahiran. Untuk menyambut kelahiran bayi, si bapa perlu memberi sedikit barang tertentu kepada bidan sebagai simbolik dia melantik atau mengamanahkan tanggungjawab untuk menyambut kelahiran bayi. Apabila tiba hari kelahiran, penduduk kampung atau jiran tetangga diberitahu untuk membantu mengurangkan kesakitan si ibu semasa melahirkan anak. Sekiranya ia tidak dilakukan, bidan tidak akan menyambut kelahiran bayi tersebut dan si ibu terpaksa melahirkan anaknya secara sendirian tanpa pertolongan bidan. Oleh itu orang kampung juga tidak boleh membantu si ibu dalam proses kelahiran kerana dikhuatiri akan berlaku berlaku ribut dan hujan lebat. Sehubungan itu, bagi menghentikan atau menghilangkan ribut dan hujan lebat tersebut, si ibu yang melahirkan anak akan ditoreh sehingga mengeluarkan darah dengan menggunakan buluh.

Si ibu yang tidak menjaga mulutnya seperti dia menyatakan tidak memerlukan pertolongan di samping dia yakin serta mampu melahirkan anaknya secara sendirian, maka bidan dan orang kampung akan terus membiarkannya dan tidak akan mengambil kira selepas itu, walaupun ketika saat genting si ibu tersebut meraung meminta pertolongan dan kemudiannya mereka akan didenda.

Semasa mengandung juga si ibu tidak dibenarkan mengetuk paku pada dinding, mengikat tali dan membuat jala kerana ia dikhuatiri akan menyebabkan bayi dalam kandungan tersebut tersangkut yang boleh menyebabkan kesukaran untuk bersalin. Tindakan yang diambil sekiranya bayi itu tidak keluar, maka jala itu akan dibakar. Si ibu juga tidak boleh makan, makanan berminyak, garam, perisa ajinomoto, cili atau sebarang bahan yang pedas dalam masakan selama tempoh berpantang. Ini kerana ia dikhuatiri akan memudaratkan ibu tersebut. Sebaliknya mereka dibolehkan hanya makan masakan yang tidak dimasukkan bahan di atas termasuk bawang, daging atau daging kijang, tetapi hanya makan nasi serta sayur yang dimasak tanpa bahan perasa. Mereka juga tidak boleh makan buah durian keranaduri buahnya dianggap berbisa dan akan menyukarkan si ibu melahirkan anaknya (Mior b. Siam 2001).

Selepas bersalin juga si ibu tidak boleh terus mandi di sungai, dia hanya dibolehkan mandi dirumahnya. Ini kerana bagi mengelak berlakunya hujan yang akan turun selama lebih kurang tiga atau empat bulan. Selepas dua minggu, maka bolehlah si ibu mandi di sungai. Begitu juga mereka tidak dibenarkberjalan jauh-jauh kerana ditakuti Iblis dapat menghidu bau darah selepas bersalin yang menyebabkan mereka diganggu dan tidak boleh tidur.

Selain daripada itu, ibu bapa juga tidak boleh makan ikan merah kerana ditakuti badan anak atau bayi mereka akan panas yang membawa kepada penyakit sawan. Begitu juga dengan menangkap ikan pada musim panas juga tidak dibenarkan semasa ibu mengandung.

## **b. Perkahwinan**

Perkahwinan masyarakat Temiar tidak berlandaskan kepada undang-undang yang tertentu. Ianya merupakan salah satu adat kebiasaan bagi penduduk di sini. Biasanya perkahwinan yang diadakan di kalangan masyarakat kampung ini bermula daripada perkenalan. Apabila kata sepakat diputuskan, mereka akan menjalankani kehidupan sebagai pasangan (Jiran b Along 2001).

Pertunangan: Pihak lelaki akan memberi ikan, wang (RM 5, 10 dan 20) kepada pihak perempuan. Ianya mengikut kemampuan. Pihak lelaki berjumpa dengan keluarga pihak perempuan untuk mendapatkan persetujuan daripada pihak tersebut. Tempoh pertunangan satu minggu hingga ke dua bulan berdasarkan kepada persetujuan. Semasa bertunang mereka hanya boleh berpegang pegangan sahaja.

Perkahwinan: Penduduk kampung tidak memilih hari atau bulan untuk mengadakan majlis perkahwinan. Sebelum perkahwinan, mereka akan mandi bunga. Manakala makanan semasa perkahwinan ialah ubi bakar. Pasangan hanya memakai pakaian biasa sahaja, manakala pengantin perempuan dicantikkan dengan memakai bedak dan gincu dan sesetengahnya ada yang meletakkan bunga di atas kepala. Selepas perkahwinan, lelaki akan ke rumah pengantin perempuan dan selepas itu barulah mereka akan membina rumah sendiri. Adat mereka tidak melarang bermadu dan paling ramaipun dua orang dan madu-madu tersebut akan tinggal dalam satu rumah.

Perceraian: Untuk bercerai mereka akan berjumpa dengan Tok Batin. Tok Batin akan menasinatkan pasangan tersebut. Sekiranya mereka ingin berpisah juga, mereka perlu mendapat persetujuan atau kebenaran daripada Tok Batin. Terdapat juga di kalangan mereka yang tidak berjumpa dengan Tok Batin dan hanya meninggalkan rumah dalam beberapa hari setelah berlaku perceraian sudah dianggap bercerai. Namun begitu, pasangan tersebut boleh merujuk kembali dan perkahwinan kali kedua perlu melalui proses seperti perkahwinan yang pertama. Perempuan yang diceraikan tidak boleh berkahwin selama satu tahun. Sekiranya perceraian tersebut disebabkan oleh pertengkar yang berpunca daripada si suami, maka dia dikehendaki membayar RM 1.000 kepada pihak isteri dan begitulah sebaliknya. Harta yang tetap seperti rumah akan menjadi milik suami dan sekiranya suami yang terlebih dahulu meninggalkan rumah disebabkan oleh perceraian, maka isteri akan mendapat rumah tersebut. Anak-anak akan dijaga oleh isteri.

## **c. Kematian**

Bagi masyarakat orang Asli suku Temiar, apabila berlakunya sebarang kematian, terdapat beberapa adat dan pantang larang yang perlu dipatuhi sama ada pihak dan keluarga si mati mahupun masyarakat sekelilingnya.

Bagi orang yang sedang sakit tenat, mereka akan dijampi seraphah oleh Tok Batin atau bomoh untuk menyembuhkan penyakit. Sekiranya tidak sembah, pesakit akan dibawa ke hospital. Jika pesakit tengah nazak dan menunggu masa hendak mati, mereka akan memasang kemenyan, bagi yang sakit biasa tidak perlu pasang kemenyan. Apabila seseorang itu telah meninggal dunia berita kematian akan diberitahu kepada kaum keluarga, bagi sanak saudara yang jauh mayat ditanam tanpa menunggu sanak saudara tersebut (Salim b. Chimbong 2001).

Semasa kematian tersebut, mereka akan menjaga mayat tersebut terutama pada waktu malam. Sekiranya kucing melintasi mayat tersebut, dipercayai ia akan bangkit semula. Kemudian dimandikan dan dipakai dengan pakaian yang cantik untuk bertemu Tuhan. Mereka tidak mempunyai tanah yang khusus untuk dijadikan sebagai kawasan tanah perkuburan malah ianya ditentukan oleh kehendak kaum keluarga sama ada di ladang, rumah dan sebagainya.

Mayat yang akan dikebumikan akan dibawa ke kubur. Bagi mayat kanak-kanak ia akan dikendong oleh ibunya sendiri. Bagi mayat dewasa akan diusung dengan keranda buluh oleh penduduk kampung. Saiz kubur adalah mengikut saiz si mati. Bagi masyarakat Temiar di Kg. Pasid, kubur mereka adalah berupa pondok yang dibuat daripada buluh dan beratapkan zin mengikut saiz si mati. Mengikut kepercayaan mereka, barang-barang yang pernah digunakan oleh si mati akan ditinggalkan bersamanya seperti periuk, pinggan, gelas, pakaian, segelas air teh serta makanan. Semua ini bertujuan sebagai bekalan kepada si mati untuk keperluannya dalam kehidupan di dunia yang lain. Kepala si mati akan diletakkan kalungan bunga. Manakala bertentangan dengan kepala mayat digantung dengan jambangan bunga sebagai sumber

semangat kepada roh si mati. Seterusnya di sekeliling si mati disembur wangian. Selepas itu, kelambu akan dipasang sebagai pelindung kepada mayat tersebut. Kemudian bacaan doa dilakukan oleh ayah si mati. Selepas semuanya selesai dilakukan pintu akan ditutup dengan buluh. Berhampiran dengan pondok mayat tersebut, diadakan unggan api bagi menghalau roh jahat yang dipercayai akan mengganggunya.

Selepas dikebumikan kaum keluarga terutamanya ibu si mati boleh menziarahinya dalam tempoh seminggu selepas dikebumikan. Dalam tempoh seminggu atau dua minggu keluarga si mati dilarang daripada bersuka ria, menyanyi, berbual bahkan dikehendaki mendiamkan diri. Selepas daripada tempoh tersebut, keluarga dibolehkan untuk mengadakan tarian sewang selama seminggu bagi mengembirakan si mati dan secara tidak langsung akan menghilangkan kesedihan pada keluarga tersebut. Sebelum diperkenalkan agama *alij* mayat akan digulung dengan kelambu dan digantung dengan tali pada pokok. Kemudian, amalan pengkebumian mayat berubah dengan cara menanam mayat.

#### d. Perayaan

Secara keseluruhannya, tidak terdapat perayaan yang diraikan oleh mereka secara khusus, samada perayaan keagamaan maupun perayaan adat. Hanya sekali sekala terdapat jamuan yang diadakan oleh Tok Batin bagi meraikan penduduk kampung. Pada kebiasaannya dilakukan pada sebelah malam. Pada sebelah siang mereka membakar ubi kayu secara beramai-ramai serta makan bersama-sama. Namun begitu terdapat satu persempahan yang sering kali diadakan oleh penduduk Kampung yang dikenali sebagai tarian sewang (Karim b. Along 2001).

Sewang merupakan salah satu adat tradisi masyarakat orang Asli Temiar di Kg. Pasik. Sewang akan disertai oleh semua orang yang mempunyai ilmu tentang sewang. Dalam upacara sewang, tedapatnya acara tarian (joget) yang disertai oleh lelaki dan perempuan. Orang perempuan hanya membunyikan buluh yang diketuk di atas sebatang kayu. Iramanya sungguh merdu.

Di samping itu, penonton yang menyaksikan sewang untuk mengubati orang yang sedang sakit diwajibkan menunggu sehingga tamatnya upacara sewang. Mereka tidak dibenarkan untuk turun daripada dewan kerana ditakuti hantu-hantu yang dihalau akan kena kepada orang kampung. Terdapat pelbagai jenis sewang lagi yang diadakan selain daripada sewang perubatan, iaitu seperti sewang tuai padi, sewang tanam ubi, sewang tanam pisang, dan sewang sambut tetamu. Sewang tuai padi diadakan sebelum upacara menuai padi dan masa hendak menanam padi bukit. Selain melakukan sewang di dewan yang telah dibina, sewang turut diadakan di rumah orang kampung secara bergilir-gilir. Dalam pada itu, pada sebelah malamnya akan diadakan majlis makan bersama.

Dalam upacara sewang, semua peserta yang terlibat akan memakai topi khas. Upacara ini pada kebiasaannya diketuai oleh Tok Batin. Semasa upacara sewang berlangsung, 20 buluh yang berbentuk gitar digunakan. Orang lelaki dan perempuan akan berjoget, bergerak setengah hasta antara seseorang dengan seseorang. Dalam upacara tersebut, muzik yang sama digunakan bagi semua jenis sewang, tetapi senikatanya berlainan. Lagu-lagu yang didendang diupacara sewang bercorak *doa* bagi memohon sesuatu hajat. Misalnya sewang tuai padi, mereka berdoa supaya hasil padi yang mereka perolehi nanti, banyak. Begitu juga sewang jampi, mereka berdoa agar pesakit akan sembuh dengan segera. Sebelum upacara sewang, penduduk kampung berkumpul beramai-ramai untuk berdoa kepada Tuhan *Aluj* untuk mendapatkan restu. Upacara berdoa berlalebih kurang satu jam.

Dalam persempahan sewang yang diadakan terdapat juga pantang larang. Sekiranya terdapat orang yang hendak belajar ilmu sewang, seseorang itu mestilah seorang yang baik, jujur dan belajar bukan hendak mengkhianati orang lain. Pengamal ilmu sewang tidak boleh sombong dan bercakap besar serta bangga diri dengan ilmu sewangnya. Ini kerana, jika pengamal ilmu sewang bersikap demikian, maka ilmu tersebut akan lari atau hilang.

Dalam upacara sewang untuk tujuan perubatan, pesakit akan di bawa ke dewan dan berubat di dalam gelap. Semasa berlangsungnya upacara sewang tidak boleh adanya cahaya kerana orang-orang bersewang akan terkejut dan dia pula yang akan jatuh sakit. Contohnya tidak boleh hisap rokok. Tok bomoh akan berikan beberapa pesanan kepada pesakit bagi menyembuhkan sakitnya. Sewang pada masa sekarang jarang diadakan berbanding dengan sewang pada masa dahulu. Pada masa dahulu sewang dilakukan tiap-tiap malam dari rumah ke rumah secara bergilir-gilir.

## **PENGURUSAN DAKWAH KEPADA SUKU TEMIAR KG. PASID**

Pengurusan dakwah telah dirancang sebelum para pendakwah melakukan program di kampung Pasid lagi. Program ini diadakan selama seminggu dari 1 – 8 Okt. 2001. Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan membekalkan tenaga dakwah melalui Latihan Amali Dakwah (LAD) dan pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah menyediakan dana untuk menggerakkan aktiviti tersebut selama seminggu. Selain daripada itu, pihak Jabatan Hal-Ehwal Orang Asli (JHEOA), Jabatan dan Majlis Agama Islam, Jabatan Polis, Jabatan Kesihatan, Jabatan Pendidikan peringkat daerah dan pelbagai jabatan lagi telah memberi sumbangan yang diperlukan untuk menjayakan program yang diadakan. Setelah segala persiapan dibuat, sebelum berangkat ke lapangan, para pendakwah akan mengadakan solat hajat agar program yang dijalankan nantinya akan memberi kesan kepada Islam. Malah unsur-unsur kerohanian atau hubungan dengan Allah SWT ini diteruskan sentiasa semasa para pendakwah menjalankan aktiviti dakwah di perkampungan orang Asli di Kg. Pasid.

Setelah berada di lokasi segala aktiviti akan digerakkan oleh mahasiswa dan para pensyarah merupakan penggerak di belakang tabir. Objektif utama operasi ini adalah untuk mengajak masyarakat orang Asli menganut ajaran Islam.

### **Program ziarah**

Program ini merupakan program yang diberi tumpuan utama sebelum pendakwah menyeru sasaran kepada Islam. Ini adalah kerana, melalui program ziarah, pendakwah dapat bermesra dengan sasaran. Ditahap ini pendakwah akan menyelami adat dan pantang larang sasaran seperti kelahiran, perkahwinan dan kematian. Turut dibincangkan juga adalah budaya sasaran seperti bahasa, kepercayaan dan perayaan bagi sesuatu kaum. Dengan cara ini, sasaran akan merasa dihargai kerana pendakwah sangat berminat hendak mengetahui latarbelakang kehidupan mereka.

### **Keluarga angkat**

Program dakwah kepada non-Muslim biasanya diwujudkan dalam bentuk keluarga dan anak angkat. Di sini, anak angkatlah yang berperanan besar sebagai pendakwah dan keluarga angkat mereka merupakan sasaran dakwah yang paling hampir berbanding dengan orang lain. Oleh kerana itu, pada peringkat awal sebelum menyeru mereka kepada Islam, pendakwah hendaklah terlebih dahulu mengetahui latarbelakang keluarga angkat mereka, bermesra dengan anak-anak keluarga angkat mereka terutama yang masih kecil dan sehingga mereka turut makan bersama keluarga angkat di rumah masing-masing. Hal inilah yangkan menyebabkan sasaran biasanya *mengalah* untuk menolak kehadiran pendakwah. Malah ada juga di antara para pendakwah yang turut ke ladang atau ke tempat kerja keluarga angkat mereka untuk membantu mengusahakan ladang atau sesuatu pertanian.

### **Malam kesenian dan tayangan video**

Pada malam kesenian, pelbagai acara telah diadakan untuk menonjolkan kesenian Islam kepada sasaran. Antaranya seperti pentomen, drama, nasyid, dikir barat, silat, sajak dan pantun. Pada malam tersebutlah segala unsur-unsur dakwah diselitkan dalam persembahan yang disampaikan. Malah, sasaran dakwah juga turut diberi peluang untuk mempersembahkan kebudayaan mereka melalui pelbagai persembahan seperti nyanyian solo, berkumpulan dan sebagainya.

Manakala tayangan video pula akan diadakan pada setiap malam, melainkan pada malam kesenian. Antara filem yang ditayangkan adalah seperti filem Hindustan, Melayu dan kartun untuk kanak-kanak keluarga angkat. Pada masa tayangan inilah pendakwah akan berdampingan dengan keluarga angkat mereka bagi merapatkan lagi hubungan mereka sekeluarga.

### **Gotong royong**

Gotong royong diadakan bagi membersih kawasan perkampungan seperti menebas semak samun yang terdapat di tepi jalan, membersih kawasan sekolah, membersih balai raya dan membersihkan kawasan surau sekiranya wujud di penempatan mereka. Peralatan untuk melakukan gotong royong akan disediakan oleh penduduk kampung terbabit.

## Sukan dan sukaneka

Sukan dan sukaneka turut diadakan di penempatan dakwah. Antara sukan yang diadakan adalah seperti bolasepak, bolajaring dan sepaktakraw. Manakala sukaneka pula melibatkan acara kanak-kanak (seperti membawa bola dalam sudu, meniup belon, mengisi air dalam botol dan meniup tepung), dewasa (seperti menimbang bola, menyumpit, merebut kerusi, dan sebagainya). Kesemua acara yang dipertandingkan akan melibatkan pendakwah dan sasaran dakwah kecuali pertandingan yang melibatkan kanak-kanak sahaja yang tidak melibatkan pendakwah. Namun begitu, pendakwah akan turut sama memberi sokongan kepada adik-adik angkat mereka yang memasuki pertandingan yang diadakan.

## Khidmat Kesihatan

Khidmat kesihatan melibatkan Jabatan Kesihatan Daerah. Jabatan tersebut akan berada di lokasi dalam tempoh yang tertentu untuk memberi rawatan kepada penduduk kampung. Semasa program tersebut diadakan pendakwah akan membawa keluarga angkat mereka ke lokasi rawatan dan akan menunggu sehingga keluarga angkat mereka selesai menerima rawatan.

## Majlis Dialog

Majlis dialog diadakan antara pendakwah dan sasaran untuk menerangkan Islam kepada sasaran atau untuk menjelaskan kekeliruan mereka terhadap Islam. Majlis ini biasanya akan lebih membuka minda sasaran terhadap Islam. Majlis ini juga akan dapat melihat persepsi sasaran terhadap Islam selama ini dan apakah yang menghalang mereka untuk menerima Islam. Biasanya hasil perbincangan dengan sasaran, pendakwah akan dapat mencari kaedah untuk berdakwah kepada mereka.

## Program Motivasi

Program ini biasanya melibatkan pelajar-pelajar sekolah dan kanak-kanak di lokasi program yang diadakan. Mereka didedahkan dengan pengalaman pendakwah mendapat pendidikan dan bagaimana hendak menjadi seorang yang cemerlang. Di samping itu, kanak-kanak turut didedahkan dengan pelbagai kisah-kisah dan mereka turut diajar dengan lagu-lagu yang berfaedah untuk mereka seperti nasyid.

Kesemua program di atas, diatur dengan rapi dan tersusun supaya objektif LAD tercapai. Bagi melicinkan program, setiap malam para peserta akan mengadakan perbincangan untuk mengambil tindakan pada kesokan harinya. Oleh itu, para pelajar dibekalkan dengan borang pemantauan keluarga angkat mereka. Ini bertujuan memudahkan mereka menyampaikan laporan pada setiap malam.

Bagi menguatkan semangat dan mengisi keperluan kerohanian, para pendakwah juga turut mengadakan beberapa program yang mengukuhkan hubungan mereka dengan Allah SWT seperti mengadakan tazkirah, Qiam lail, membaca al-Quran, sembahyang hajat agar program ini mendapat kejayasamaan dalam jangka masa yang singkat maupun dalam jangka masa yang panjang.

## KESIMPULAN

Sesungguhnya untuk mewujudkan pengurusan dakwah yang cemerlang memerlukan satu komitmen yang tinggi dari semua pihak yang menyedari tanggungjawab berdakwah yang ditaklifkan ke atas diri mereka. Oleh kerana peran pentingnya Islam ini dikembangkan secara berterusan, maka JDPK telah mewujudkan satu kursus yang bakal melatih para pendakwah secara langsung dengan mewujudkan latihan secara praktikal yang dikenali sebagai LAD. Latihan ini sebenarnya telah melahirkan para pendakwah yang berkemampuan dan mempunyai kecekalan yang mengagumkan untuk mengembangkan Islam. Kesemua ini adalah hasil daripada pengurusan dakwah kepada non-Muslim yang bersistematis. Namun begitu, sebaikapangan dan pandangan perlu diambil kira demi mengembangkan Islam di atas muka bumi Allah SWT.

## **RUJUKAN**

- Chimbong b. Sugi. 2001. Penghulu Kg. Pasid. *Temu bual*. 3. Okt.
- Jiran b. Along. 2001. Penduduk Kg. Pasid. *Temu bual*. 4 Okt.
- Jefri b. Berkut. Penduduk Kg. Pasid. *Temu bual*. 9 Okt.
- Karim b. Along. 2001. Penduduk Kg. Pasid. *Temu bual*. 5. Okt.
- Mior b. Siam. 2001. JKKK Pasid. *Temu bual*. 9 Okt.
- Rosli b. Chenpalan. 2001. Pengerusi JKPKK Pasid.. *Temu bual*. 7 Okt.
- Salim b. Chimbong. 2001. Anak Penghulu Kg. Pasid. *Temu bual*. 3 Okt.